

keusahawanan

CEF mantapkan persediaan jadi usahawan



Antara peserta yang mengambil bahagian dalam CEF 2016.

Oleh Meor Ahmad
 Nasriin Rizal Ishak
 meor.ahmad@bh.com

► Kuala Lumpur

Pesta Kerjaya dan Keusahawanan (CEF) 2016 yang berlangsung di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini, memantapkan persediaan awal mahasiswa untuk menceburi dunia perniagaan.

Program bertema 'Keusahawanan Satu Sunnah, Inovasi Untuk Ummah' anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) universiti dengan kerjasama beberapa pihak lain itu turut mendorong usahawan muda berkenaan tampil dengan kreativiti dan inovasi berlandaskan syariah.

EXCO Ekonomi dan Inovasi MPP USIM, Najihah Zakaria, berkata objektif utama program itu ialah mendedahkan keusahawanan sebagai bidang kerjaya, selain meningkatkan

kebolehpasaran pelajar apabila tamat pengajian kelak.

Usahawan amanah

Dalam konteks ini, beliau berkata, perniagaan dijalankan mengikut sunnah akan menjana usahawan yang amanah, sekali gus menyumbang kepada pembangunan negara.

"Selain itu, program ini dapat menggalakkan pelajar menceburi bidang keusahawanan dan secara langsung menyokong matlamat Kementerian Pendidikan Tinggi untuk melahirkan graduan holistik serta seimbang.

"Aktiviti diadakan turut membantu mengeratkan silaturahim dalam kalangan pelajar," katanya.

CEF 2016 berlangsung meriah dengan pelbagai acara menarik, termasuk pameran industri, wakaf serta inovasi pelajar, pertandingan, seminar keusahawanan, sesi perkongsian alumni dan sesi bersama usahawan wanita.